



MOHD Harun menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada salah seorang kakitangan OKU UMS.



MOHD Harun menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada salah seorang penerima.

# UMS bakal wujud konsep 'Eco Farm' di Apin-Apin K'gau

NST 6.5.2016 2

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marrayan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mewujudkan konsep 'Eco Farm' di tanah milik universiti itu di Apin-Apin Keningau seluas 74 ekar dengan kerjasama pihak industri.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, langkah itu selaras dengan hasrat UMS menjadi sebuah kampus mesra alam (EcoCampus) menjelang tahun 2018 dan memperkasakan bidang pertanian untuk manfaat masyarakat setempat.

Beliau berkata, idea EcoCampus yang diperkenalkan tiga tahun lalu berjaya mengubah lanskap minda warga UMS dalam memulihara alam sekitar.

"EcoCampus bukan sahaja sinonim dengan warga UMS, malah banyak inisiatif telah dilaksanakan ke arah itu, antaranya Eko-Pelancongan, Eco Awareness Week, Eco Recycling Centre dan yang terbaru Eco Farm bakal dilaksanakan di tanah UMS di Apin-Apin Keningau.

"Kesempatan ini lah yang harus kita ambil dan perkasakan agar UMS terkenal di dunia dengan konsep EcoCampus. Menjadi yang unik di antara universiti yang lain dan dapat menonjolkan imej UMS.

"Saya percaya idea EcoCampus ini sesuatu

yang baik, ianya mengajar kita untuk berjimat menggunakan sumber-sumber seperti air, kertas, elektrik dan bahan api agar alam semulajadi sentiasa dipulihara dan terpelihara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Kecemerlangan UMS (AKU) 2015, di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, di sini, kelmarin.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Yusof Sarangit, Pendaftar merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti No'man Hj Ahmad, para pegawai utama UMS, ketua-ketua jabatan, kakitangan akademik dan bukan akademik UMS.

Pada majlis itu seramai 551 orang pegawai dan kakitangan UMS menerima pelbagai anugerah, termasuk Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Jasa Bakti dan Anugerah Jasa Setia.

Dalam Anugerah Inovasi pula, sebanyak lapan kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Laman Web, Eco-Campus, Penerbitan UMS, Pengurusan Organisasi, Pengurusan Makmal, Penjanaan Pendapatan, Pengurusan Kewangan dan Anugerah Kumpulan Penggerak Inovasi.

Mohd Harun turut mengingatkan warga kerja UMS termasuk pensyarah dan pentadbir supaya tidak bersikap terlalu 'rigid', sukar menerima perubahan baharu dan tidak mahu



MOHD Harun menyampaikan hadiah RM3,000 kepada wakil Bahagian Perkhidmatan Akademik, yang memenangi Anugerah Pengurusan Organisasi.

berubah.

"Begitu juga dengan urusan, tadbir urus universiti, kita sentiasa mencari langkah terbaik agar dapat memudahkan semua urusan seterusnya mengelak birokrasi. Jika kelulusan sesuatu perkara mengambil masa selama dua minggu, kita cuba percepatkannya selama tiga hari.

"Hal ini akan dapat menjimatkan masa dan keputusan dapat dibuat dengan cepat serta hasil yang dijana akan lebih baik," katanya.

Beliau berharap dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Inovasi Pentadbiran di bawah Jabatan Pendaftar dapat menyegerakan serta membudayakan konsep inovasi di kalangan warga kerja UMS.

Mohd Harun berkata, pihak universiti juga akan terus meningkatkan imej UMS di persada antarabangsa bagi memastikan universiti itu sentiasa berdaya saing dan kekal relevan.

Katanya, walaupun UMS berjaya mencapai

pelbagai kejayaan di peringkat antarabangsa antaranya Top 200 QS:World University Ranking-By Subject dalam bidang Pertanian dan Perhutanan, penubuhan dua pejabat satelit di Heilongjiang Academy of Sciences, Harbin China dan Kindai University Jepun dan di tangga ke-173 dalam UI-Greenmetric World University Ranking namun ia belum mencukupi.

"Pengiktirafan ini belum cukup lagi, kita mahukan lebih daripada itu," katanya.

Sehubungan itu beliau berharap sumber manusia UMS dapat memenuhi capaian KPI Kementerian Pendidikan Tinggi serta Key Results Area (KRA) dalam Pelan Strategik UMS.

"Sumber manusia yang berkualiti, akan menghasilkan output yang berkualiti dan seterusnya meraih banyak pencapaian, pengiktirafan dan anugerah untuk kecemerlangan universiti," katanya.